

العامارات

AL MUAMALAT

PENA SYARIAH BANK MUAMALAT ◆ SIRI 10 ◆ KDN: PP 1703/10/2012(031346)



PROFESIONALISME DI DALAM PERBANKAN **ISLAM**

- Mukmin Profesional, Satu Tuntutan
- Pandangan Islam Tentang Profesionalisme
- Pendokong Perbankan Islam Harus Profesional
- Keberkesanan Sistem Dwi Perbankan Di Malaysia
- UNIT PENYELIDIKAN SYARIAH: Hukum Pengenaan Caj Gharamah Terhadap Pelanggan

usaha sama:



Wakaf
Selangor Muamalat

Jom kita
berwakaf...

Anda boleh berwakaf
serendah RM10.00 dengan
Wakaf Selangor Muamalat

esok masih ada?


Sila hubungi:

1-300-88-8787
www.muamalat.com.my

SIDANG REDAKSI

TOPIK

	MUKA SURAT
Sekapur Sirih Seulas Pinang	2
Sejenak Bersama	3
Mukmin Profesional, Satu Tuntutan	4
Pandangan Islam Tentang Profesionalisme	6
Sepuluh Resolusi Kewangan	7
RINGKASAN PRODUK	
PEMBIAYAAN PERDAGANGAN: Surat Kredit-i (Wakalah)	9
Pendokong Perbankan Islam Harus Profesional	10
SOAL JAWAB MUAMALAT:	
Hukum Bekerja dalam Institusi yang Berinteraksi dengan Riba	11
Keberkesanan Sistem Dwi Perbankan Di Malaysia	12
PAKAR KEWANGAN ISLAM:	
Dato' Dr. Abdul Halim Bin Ismail	13
LAMAN WAHYU: Allah Mengasihi Orang Yang Rajin Berusaha	14
UNIT PENYELIDIKAN SYARIAH:	
Hukum Pengenaan Caj Gharamah Terhadap Pelanggan	15
SYUMULNYA ISLAM:	
Mukjizat Al-Quran, Prof. Gary Miller & Bilangan Ayat 6,236	16
LAMAN TAFAQQUH: Keutamaan Bersedekah	18
GLOSARI SYARIAH	19
SENGAT CIK LEBAH	20



Penasihat

Dato' Haji Mohd Redza Shah Abdul Wahid

Ketua Editor

Mohd Hafiz Haji Fauzi

Sidang Editor

Muhamad Fadli Abdullah
Nurul Aiman Abdul Basik
Wan Hanan Hanim Wan Mohamad

Pruf

Karim Dato' Mohammed Adnan
Saidatul Leiza Suleiman

Pereka Grafik

Ahmad Adhha Zainudin

Penerbit

Jabatan Syariah, Tingkat 20,
Menara Bumiputra, Jalan Melaka,
50100 Kuala Lumpur.

Dicetak oleh:

Syarikat Percetakan Tass Sdn. Bhd
Lot 37670, Jalan 3/37A,
Taman Bukit Maluri, Kepong
52100 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : 03-6273 4348
Faks : 03-6274 4348
Tel No: 03-62776223 / 03-62743227
Emel : enquiry@tass.com.my
Laman Web : www.tass.com.my

Pandangan Islam Tentang Profesionalisme





Y.BHG. DATO' HAJI MOHD REDZA SHAH ABDUL WAHID

Ketua Pegawai Eksekutif, Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB)

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wa barakatuh

Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah SWT dan selawat dan salam ke atas junjungan besar kita, Nabi Muhammad SAW serta seluruh keluarga Baginda dan seluruh umat Islam yang menegakkan syiar Islam di muka bumi Allah SWT ini. Setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Jabatan Syariah Bank Muamalat yang telah menyempurnakan al-Muamalat edisi ke sepuluh ini.

Sebagai salah sebuah institusi perbankan Islam yang semakin pesat berkembang, beberapa dasar utama perlu diambil kira dalam membentuk institusi ini. Bukan sahaja dengan menggunakan nama dan label malah seharusnya pihak Bank seharusnya melaksanakan nilai-nilai murni dan falsafah yang sebenar. Ini semua dianggap sebagai sifat-sifat dan nilai-nilai secara profesional.

Dalam memastikan prinsip-prinsip Syariah terjaga, kita haruslah mengamalkan sikap terbuka dan profesional. Sikap ini yang akan membawa diri kita ke arah kebaikan dan membantu mencapai matlamat yang lebih tinggi. Selain itu, bersikap secara profesionalisme amat ditekankan di dalam Islam, sebagai contoh mematuhi kehendak dan kemahuan yang diberikan kepada pelanggan. Islam juga amat menitik-beratkan tentang akhlak dan iman seseorang untuk memberi contoh terhadap orang lain.

Akhir kata, semoga majalah al-Muamalat lebih maju ke arah yang lebih produktif untuk tujuan para pembaca mendapat ilmu yang bermanfaat. Ia menjadi teras membantu sumber rujukan yang berguna untuk menangani isu-isu semasa terutama di dalam isu kewangan dan perbankan Islam.

Sekian, terima kasih

SEJENAK BERSAMA...

Bismillahirrahmanirrahim...

Assalamualaikum warahmatullahi wa barakatuh

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT dan selawat dan salam ke atas junjungan nabi kita, Nabi Muhammad SAW serta seluruh keluarga Baginda, para sahabat, para tabi' dan tabi'in, serta para alim ulama Islam yang tidak berbelah bagi memberikan sumbangan yang besar demi memperjuangkan dan mempertahankan agama Islam hingga ke titisan darah terakhir. Terlebih dahulu, saya ingin merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat llahi di atas izin-Nya kita dapat menerbitkan majalah al-Muamalat siri yang kesepuluh ini. Semoga dengan kehadiran majalah ini, dapatlah kita berkongsi ilmu pengetahuan demi terus menegakkan dakwah Islam. Insya Allah.

Dalam memastikan syariat Islam terus berkembang, kita sebagai umat Islam haruslah mempunyai jati diri yang kuat dan mempunyai iman yang teguh untuk terus memperkuatkannya kedaulatan Islam itu sendiri. Ini mengikut garis panduan dalam prinsip-prinsip Syariah bagi menegakkan yang benar berdasarkan ayat-ayat al-Quran dan as-Sunnah. Justeru itu, sebagai tanggungjawab yang telah Allah SWT berikan haruslah diamalkan sebaik mungkin dan menjadikan ia lebih berkat.

Akhir kata, semoga maklumat yang diperolehi menjadi sumber yang berguna untuk bersama-sama mengangkat kedudukan imej Islam itu sendiri. Justeru itu, kita haruslah bangkit dan bergerak bersama-sama meneraju perubahan yang positif dalam institusi perbankan Islam ini.

Sekian terima kasih

Yang Berbahagia
Al-Fadhil Ustaz
Engku Ahmad Fadzil Engku Ali
Ahli Jawatankuasa Syariah
Bank Muamalat Malaysia Berhad



MUKMIN PROFESIONAL

SATU TUNTUTAN

Oleh: Fakhriyyah Ibrahim

Jabatan Syariah, BMMB

Jika anda seorang yang rajin menyelak dada akhbar, menonton kaca televisyen atau melayari laman sesawang untuk mengetahui perkembangan semasa masyarakat kita, pasti anda pernah mendengar dan membaca tentang kes-kes pecah amanah, rasuah, penipuan dan banyak lagi yang mana kebanyakan kes-kes ini dikaitkan dengan individu yang beragama Islam.

Sering kali kita mendengar orang berkata: "Islam agama yang hebat dan membentuk penganutnya menjadi insan yang bertamadun dan mendahului umat-umat Islam". Penyataan tersebut disertakan pula dengan kisah-kisah umat Islam yang telah berjaya dan gemilang. Sebagai sokongan fakta, dengan harapan umat di era ini akan terus berbangga dengan Islam mereka dan umat yang lain akan tertarik hati dengan agama yang agung ini.

Malangnya, penyataan sejarah yang lepas, kelihatannya amat berbeza dengan realiti yang disaksikan pada hari ini. Sementara manusia pula secara majoritinya lebih terkesan dengan realiti yang disaksikan, dibandingkan apa yang tertera dalam lembaran sejarah. Apatah lagi jika umat itu, bukan umat yang membaca dan mengkaji.

Profesionalisme adalah sesuatu yang berkaitan dengan kemahiran dalam sesuatu bidang yang juga banyak dikaitkan dengan pengkhususan. Sesuatu pekerjaan yang sukar dilakukan oleh kebanyakan orang memerlukan seseorang yang profesional untuk mengendalikan pekerjaan tersebut. Untuk menjadi seorang yang profesional, kemahiran melalui ilmu yang banyak, pemahaman dan pengalaman perlu ada pada diri individu tersebut.

Ini juga termasuklah kemahiran berkomunikasi, mengendalikan masalah yang susah secara teratur dan sistematik dengan pengendalian dan hubungan bersama para profesional yang lain. Ianya susah dan menunjukkan betapa profesional ini begitu sukar untuk kita dapati di kalangan kita dewasa kini. Menimba ilmu sahaja belum tentu bagi kita untuk menjadi seorang yang profesional.

Buktinya terkandung di dalam Surah Fatir ayat 28, yang bermaksud:

"Dan demikian (pula) di antara manusia, binatang-binatang melata dan binatang-binatang ternak ada yang bermacam-macam warnanya (dan jenisnya). Sesungguhnya yang takut kepada Allah di antara hamba-hamba-Nya, hanyalah ulama. Sesungguhnya Allah Maha perkasa lagi Maha Pengampun."

Jelas dikatakan di dalam ayat ini bahawa seorang ulama adalah dari kalangan hamba Allah yang takut kepada Allah, bukan hanya semata-mata mengetahui ilmu yang banyak.

Profesionalisme sangat di tuntut dalam Islam. Banyak ayat-ayat al-Quran dan hadis membicarakan tentang profesionalisme dalam apa jua pekerjaan termasuklah ibadat.

Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Sungguh bahagia orang-orang yang beriman, iaitu orang-orang yang di dalam solat mereka khusyuk.”

(Al-Mu'minun: 1-2)

Khusyuk dalam ayat di atas boleh kita tafsirkan sebagai profesional dalam ibadat.

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

Sesungguhnya Allah SWT menyukai apabila seseorang kamu bekerja dan melakukan pekerjaan itu dengan tekun.

(Riwayat Abu Daud)

Hadis di atas menerangkan betapa Islam menitik-beratkan soal profesionalisme dalam pekerjaan. Banyak contoh yang dapat kita petik dari sirah-sirah terdahulu sebagaimana para utusan rasul yang dipilih oleh Allah SWT, seperti Nabi Ibrahim AS, Nabi Sulaiman AS, Nabi Yusuf AS dan Nabi Muhammad SAW sebelum dilantik sebagai seorang rasul lagi mereka adalah seorang yang berkualiti di kalangan kaum mereka sendiri. Agama dan ideologi lain juga mementingkan profesionalisme di dalam sesuatu perkara. Bezanya profesional seorang Islam itu bergantung kepada keimanan dan ketaqwaan mereka kepada Allah SWT.

Buktinya kita melihat bagaimana keimanan itu sendiri bukan sahaja menjadikan rasul itu seorang yang profesional dalam menghadapi tugas mereka sebagai seorang rasul, bahkan mereka juga profesional dalam bidang pekerjaan mereka. Umpamanya Nabi Sulaiman AS yang profesional sebagai pemimpin. Nabi Yusuf AS yang profesional sebagai bendahara (seperti perdana menteri jika dibandingkan zaman sekarang) dan Nabi Muhammad SAW sebagai peniaga, penjaga amanah, pengembala kambing, pemimpin, komando perang dan suami yang profesional.

Mukmin profesional ialah mukmin yang mempunyai 2 ciri unggul:



1) Tingkah laku

Mereka yang mempunyai keperibadian yang unggul dan hubungan yang mantap antara dirinya dan penciptaNya (hablu minallah) dan hubungan yang baik antara dirinya dan orang lain (hablu minannas).

Anas RA berkata: Nabi SAW bersabda: Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Terdapat 4 perkara, satu di antaranya menyangkut hubungan dengan Aku, satu menyangkut hubunganmu dengan hamba-hambaKu, satu untukmu dan satu untuk Aku. Adapun yang untuk Aku ialah bahwasanya engkau menyembah-Ku tidak menyekutukan sesuatu dengan Aku, sedang yang satu untuk engkau ialah bahwasanya apa yang telah engkau perbuat dari kebaikan Aku akan membalasmu. Adapun yang satu antara Aku dan engkau ialah bahwasanya engkau berdoa dan Aku menerima dan yang antaramu dan hamba-hamba-Ku ialah bahwasanya engkau merelakan bagi mereka apa yang engkau relakan bagi dirimu sendiri.”

(Riwayat Abu Nu'a'im)



2) Gerak kerja

Muslim yang profesional dalam gerak kerja, yang melaksanakan sesuatu tanggungjawab dengan profesional. Mereka melakukan kerja dengan ilmu dan kapakaran serta kemahiran terhadap kerja yang dilakukan. Ia tidak hanya dikhususkan kepada golongan yang dikatakan profesional seperti doktor dan peguam, bahkan nelayan dan petani juga boleh menjadi profesional sekiranya mereka melakukan kerja dengan baik dan menepati piawaian-piawaian tertentu.

Kesimpulannya, Islam sangat menitik-beratkan soal profesionalisme dalam setiap pekerjaan yang dilakukan. Orang Islam seharusnya melengkapkan diri dengan ilmu dan ciri-ciri yang diperlukan bagi membentuk peribadi mukmin yang profesional selaras dengan tuntutan Islam.



PANDANGAN ISLAM TENTANG PROFESIONALISME

Oleh: Siti Baizura Khairuddin

Jabatan Syariah, BMMB

Sebagai muslim, kita dituntut untuk mempunyai misi dan visi hidup yang jelas. Maka dengan itu, setiap muslim akan menjadi mukmin yang profesional. Bagi seorang mukmin, visi hidupnya telah jelas. Setiap dari kita ingin mencapai kejayaan, kemenangan dan keuntungan di dunia. Manakala di akhirat pula, kita ingin mendapat keampunan Allah SWT dan dimasukkan ke dalam syurga. Inilah 'hasanah dunia' dan 'hasanah akhirat' yang menjadi inti pati dalam doa setiap mukmin.

Apabila visi hidup telah jelas, ia tidak semudahnya dicapai tanpa disusuli oleh pembentukan misi hidup yang tepat dan jelas. Misi ditakrifkan sebagai sebab utama keberadaan kita di dunia. Misi hidup adalah tujuan keseluruhan kehidupan kita atau sebab asas untuk apa kita hidup. Misi hidup Muslim telah ditentukan oleh Allah SWT Ini dijelaskan oleh Allah SWT menerusi firmannya yang bermaksud:

"Tidak Aku jadikan jin dan manusia melainkan untuk beribadah kepadaKu."
(Surah az-Zariyat: 56)

Dalam konteks ibadah ini, ia terbahagi kepada tiga bahagian. Pertamanya, ibadah asas. Ibadah asas mengandungi prinsip-prinsip asas tentang ketuhanan, kebenaran, kebaikan alam dunia dan akhirat; di mana ia membentuk "*personal belief*" seseorang. Ia membentuk hubungan seorang hamba dengan Allah SWT (*hablu minallah*) iaitu fungsi pertama seorang manusia. Ibadah asas ialah dengan mempelajari, memahami, meyakini serta mengamalkan Rukun Iman yang enam dan Rukun Islam yang lima. Ini ialah ibadah yang utama atau disebut sebagai fardhu 'ain. Keduanya ialah ibadah sunat; di mana ia bersifat '*extra*' untuk menjadikan kita lebih akrab dengan Allah SWT.

TENTANG PROFESIONALISME

Contohnya, mengerjakan amalan-amalan sunat seperti bersolat sunat, berpuasa sunat, berzikir, membaca al-Quran dan sebagainya. Ketiganya ialah ibadah umum; di mana ia merangkumi seluruh aktiviti yang melibatkan kerja, profesi dan tindakan kita walau di mana, bila dan apa pun yang kita lakukan. Ia membentuk fungsi kedua manusia iaitu hubungan sesama manusia (*hablu minannas*). Ibadah umum ini mempunyai beberapa syarat, antaranya niat yang baik, subjek yang dilakukan itu sah di sisi syarak, hasil yang baik, tidak meninggalkan ibadah yang asas dan dilakukan secara optimum atau bersungguh-sungguh.

Ringkasnya, perintah Allah SWT sebagaimana firmannya di dalam surah az-Zariyat tersebut, Islam itu sendiri menuntut muslim menjadi mukmin yang profesional. Antara sifat-sifat yang mendasari professionalisme adalah seperti berikut:-

1. Sifat-sifat wajib bagi junjungan Nabi Muhammad SAW iaitu:

- a) Sifat kejujuran (*siddiq*)
- b) Sifat tanggungjawab (*amanah*)
- c) Sifat komunikatif (*tabligh*)
- d) Sifat cerdas (*fathonah*)

Kita perlu tahu bahawa Nabi Muhammad SAW merupakan ikon muslim dan mukmin profesional. Baginda memiliki sifat *siddiq*, *amanah*, *tabligh* dan *fathonah*, lantas menjadi mukmin profesional. Tanpa sifat-sifat ini, seseorang muslim tidak akan maju.

2. Bersikap dan berfikiran positif (*husnudzon*)

Dengan berfikiran positif, seseorang akan lebih bersikap objektif dan optimistik. Apabila dia berhasil dalam usahanya, dia tidak akan sombang dan lupa diri. Manakala apabila dia gagal, dia tidak mudah putus asa dan menyalahkan orang lain; bahkan berusaha lagi untuk berjaya dengan selalu bertawakal kepada Allah SWT.

3. Memperbanyakkan silaturrahim

Dalam Islam, silaturrahim merupakan sebahagian daripada tanda-tanda keimanan. Apabila kita saling bersilaturrahim, akan terjadi saling belajar di antara satu sama lain dan seterusnya dapat bekerjasama untuk menghasilkan sesuatu kejayaan.

4. Disiplin waktu dan menepati janji

Begitu pentingnya disiplin waktu, al-Quran menegaskan makna dan kepentingan waktu bagi kehidupan manusia dalam surah al-'Asr, yang diawali dengan sumpah "Demi Waktu". Begitu juga menepati janji, al-Quran menegaskan hal tersebut dalam ayat pertama surah al-Mai'dah, sebelum memasuki pesan-pesan penting yang lain.

5. Bertindak efektif dan efisien

Bertindak efektif bermaksud merencanakan, mengerjakan dan mengevaluasikan sesebuah kegiatan dengan tepat sasarnya. Sedangkan efisien adalah penggunaan kemudahan kerja dengan bijak, tidak boros dan memenuhi sasaran serta berguna.

Kesimpulannya, setiap muslim terutamanya pemuda pemudi perlu menjadi golongan '*avant-garde*'; yang bermaksud menjadi golongan yang aktif dalam inovasi atau aplikasi (atau konsep) baru dalam sesuatu bidang. Dalam kata lain, menjadi seorang professional. Ini kerana untuk melihat nasib sesebuah negara di masa hadapan, lihatlah pada golongan remajanya pada hari ini.

10 RESOLUSI KEWANGAN

Mengenal pasti keadaan kewangan semasa anda adalah satu permulaan yang baik untuk anda perbaiki matlamat kewangan pada masa akan datang. Anda juga perlu menyenaraikan keutamaan dan berazam agar anda benar-benar dapat mencapainya pada tahun ini. Setiap daripada kita mempunyai matlamat kewangan yang berbeza. Berikut adalah 10 resolusi kewangan yang anda boleh lakukan.

Sentiasa semak aliran tunai anda

Sekiranya anda seorang yang tidak dapat mengawal perbelanjaan, anda harus mengetahui cara-cara berkesan untuk menyemak dan menguruskan aliran tunai wang masuk dan keluar secara sistematik. Sentiasa catitkan perbelanjaan harian dan bulanan anda. Anda boleh lihat corak perbelanjaan sebenar anda dan mulakan langkah untuk mengubah sikap anda berbelanja. Aktiviti ini memerlukan kesabaran dan komitmen yang tinggi. Teruskan mencatat perbelanjaan anda sehingga ke akhir tahun dan nilai semula perubahan yang telah anda lakukan.

Tetapkan matlamat kewangan anda

Anda perlu menetapkan matlamat kewangan anda dan impian yang ingin anda capai dalam pengurusan kewangan. Contohnya keputusan untuk membeli rumah, berkahwin, melanjutkan pelajaran, pendidikan anak-anak atau persediaan untuk bersara. Sekali lagi, anda perlu melihat senarai keutamaan dalam menetapkan matlamat kewangan anda.

Hentikan pembelian yang tidak perlu

Hentikan pembelian yang tidak perlu dan sentiasa mengingatkan diri anda terhadap matlamat utama yang ingin anda capai. Komitmen dalam tempoh jangka masa panjang akan membantu anda dalam meningkatkan keupayaan menguruskan kewangan dengan baik. Pengajaran dan pengalaman dapat mengubah minda anda dalam membuat keputusan perancangan kewangan.

Memberi keutamaan untuk diri sendiri

Bayar untuk diri anda sendiri adalah merupakan perkara yang paling utama. Anda perlu membuat simpanan sekurang-kurangnya 10% daripada gaji bulanan anda. Tingkatkan simpanan dan pelaburan anda dari semasa ke semasa dengan mengambil kira kadar inflasi.

Disiplinkan diri anda untuk membuat simpanan dan langkah yang bijak adalah dengan melakukan bayaran secara automatik ke dalam akaun simpanan anda.

Dapatkan perlindungan takaful yang bersesuaian

Kenal pasti perlindungan yang telah anda beli. Adakah perlindungan tersebut mengikut keperluan anda dan kehendak semasa? Semak semula perlindungan anda, keluarga dan anak-anak anda.

1

2

3

4

5

Uruskan hutang anda dengan bijak

Senaraikan hutang anda mengikut urutan jumlah ansuran, baki hutang, kos pinjaman/ pembiayaan dan tempoh bayaran. Jika bayaran ansuran hutang melebihi 20% pendapatan bulanan, maka anda mungkin mempunyai masalah kewangan. Tetapkan azam dan disiplin anda untuk melunaskan hutang-hutang anda mengikut tempoh bayaran.

Tingkatkan pelan pelaburan anda

Pelaburan memerlukan tempoh masa yang panjang. Anda perlu tentukan jenis-jenis pelaburan yang bersesuaian dengan diri dan keluarga anda. Rujuk kepada pakar bertauliah sekiranya anda tidak pasti dengan produk-produk pelaburan yang ditawarkan.

Tingkatkan pendidikan pengurusan anda

Tingkatkan pengetahuan anda dalam pengurusan kewangan melalui pembacaan majalah, buku-buku dan menghadiri seminar atau kursus. Anda perlu mencungkil rahsia kejayaan "mentor" kewangan anda dan dapatkan nasihat dan tunjuk ajar daripada perunding kewangan anda.

6

7

8

9

10

Libatkan ahli keluarga anda

Libatkan seluruh ahli keluarga anda dalam pengurusan kewangan. Mulakan dengan berbincang dan menentukan perbelanjaan keluarga anda. Didik anak anda untuk menyimpan sebahagian daripada wang saku dan hanya berbelanja kepada barang yang perlu.

Peruntukan kewangan anda kepada badan-badan kebajikan

Dalam mengejar kemewahan anda tidak harus lupa kepada orang-orang yang memerlukan bantuan. Dermakan wang anda kepada badan-badan kebajikan dan anda boleh mendapatkan pengecualian cukai daripada sumbangan tersebut. Sila rujuk Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk memastikan badan-badan kebajikan yang mendapat pengecualian cukai.

SEPULUH RESOLUSI KEWANGAN


- i Hentikan pembelian yang tidak perlu
- ii Sentiasa semak aliran tunai anda
- iii Memberi keutamaan untuk diri sendiri
- iv Tetapkan matlamat kewangan anda
- v Dapatkan perlindungan takaful yang bersesuaian
- vi Uruskan hutang anda dengan bijak
- vii Libatkan ahli keluarga anda
- viii Tingkatkan pelan pelaburan anda
- ix Peruntukan kewangan anda kepada badan-badan kebajikan
- x Tingkatkan pendidikan pengurusan anda

* Dipetik dan diubahsuai daripada Berita Harian, 11/9/2012

RINGKASAN PRODUK

PEMBIAYAAN PERDAGANGAN

NAMA PRODUK: SURAT KREDIT-i (WAKALAH) *Letter Of Credit-i (Wakalah)*



1. PENGENALAN

Surat Kredit-i adalah merujuk kepada dokumen daripada sebuah bank kepada bank lain yang membenarkan pembayaran dibuat kepada penamanya apabila syarat telah dipenuhi, biasanya diperlukan oleh pengekspor sebagai bukti kemampuan pengimport membayar belianya.

2. KONTRAK SYARIAH

"Al-Wakalah" yang bermaksud perwakilan. Ia merujuk kepada kontrak yang memberikan kuasa kepada seseorang atau syarikat untuk bertindak bagi pihak yang memberi kuasa.

3. RUKUN-RUKUN DAN SYARAT-SYARAT

Wakil	Pewakil	Perkara yang diwakil (wakilan)	Aqad iaitu penawaran (ijab) dan penerimaan (qabul)
<ul style="list-style-type: none">Mestilah seorang yang baligh, berakal waras dan siuan.Orang yang mewakil hendaklah mempunyai kuasa untuk mengendalikan perkara yang diwakil. Perlakuan mewakil adalah dengan kerelaan tanpa unsur-unsur paksaan.	<ul style="list-style-type: none">Mestilah seorang yang baligh, berakal waras dan siuan.Orang yang mewakil hendaklah mempunyai kuasa untuk mengendalikan perkara yang diwakil.Perlakuan mewakil adalah dengan kerelaan tanpa unsur-unsur paksaan.	<ul style="list-style-type: none">Hendaklah dinyatakan dengan jelas oleh orang yang mewakil semasa 'aqad'.Perbuatan tersebut hendaklah dibenarkan oleh syarak sah mewakili sesuatu perkara yang berkaitan Muamalat kepada orang lain walaupun orang tersebut mampu melakukannya sendiri.Tidak sah mewakili dalam perkara solat, puasa dan mengambil wudu'	<ul style="list-style-type: none">Mestilah berlaku 'aqad' iaitu penawaran dan penerimaan sama ada melalui ucapan (lafaz), tulisan, isyarat dan perbuatan yang jelas dan difahami oleh pihak-pihak yang berkenaan.Mestilah wujud ketepatan dan kesekataan antara tawaran dengan penerimaan.Mestilah tawaran dan penerimaan berlaku dalam satu majlis atau satu ruang tempoh yang munasabah untuk dikira sebagai satu majlis.Mestilah tawaran berterusan sah sehingga sempurna penerimaan, tiada penarikan balik tawaran sebelum penerimaan.Mestilah tawaran merujuk kepada subjek pertukaran yang memenuhi syarat-syaratnya.

4. MODUS OPERANDI KEMUDAHAN SURAT KREDIT-I WAKALAH



PENDOKONG PERBANKAN

ISLAM

HARUS

Profesional

Oleh: Dr Mohamad Sabri Haron
Ahli Jawatankuasa Syariah, BMMB

Profesional ialah tindakan seseorang yang sewajarnya dilakukan dalam satu-satu urusan. Menyentuh tentang perbankan Syariah, tindakan yang dikatakan bersifat profesional ialah tindakan pihak-pihak yang berkepentingan (stakeholders) untuk melakukan sesuatu tindakan menurut prosedur yang sewajarnya. Islam sebagai addin yang syumul sifatnya, termasuklah dalam konteks perbankan Islam atau perbankan Syariah wajar dilihat dalam suatu dimensi yang menyeluruh oleh semua pihak yang berkepentingan. Islam sebagai agama yang tenang dan damai, aspek kemudahan itu adalah sebahagian daripada Islam.

Oleh yang demikian segala prosedur yang terlibat untuk menghasilkan suatu tindakan yang bersifat profesional, mestilah difahami dan diaplikasikan oleh pihak-pihak berkepentingan dengan secara baik, teratur dan berkesan untuk menterjemahkan suatu makna profesional dalam erti kata yang sebenarnya sesuai dengan Islam sebagai agama yang mudah.

Di antara pihak-pihak yang berkepentingan tersebut, ialah Ahli Jawatankuasa Syariah yang wajar berfungsi untuk memahami secara menyeluruh terhadap satu-satu isu khususnya cara kerja yang wajar dan sesuai tanpa bertentangan dengan Syariah. Setelah jelas kefahaman terhadap satu-satu isu, tindakan selanjutnya ialah memahamkan kepada pihak-pihak berkepentingan khususnya kakitangan yang terlibat secara langsung dengan institusi-institusi perbankan syariah yang didokongi.

Serentak dengan itu juga, pihak kakitangan wajar bersifat sensitif atau peka terhadap sebarang isu yang dilihat boleh mendatangkan kesan yang negatif atau menjelaskan imej Islam itu sendiri yang wujud di sebalik nama perbankan Islam atau syariah. Kakitangan juga mesti memahami tentang amanah sebenar dengan Pencipta iaitu Allah SWT. Sewajarnya tindakan yang salah walaupun dirasakan kecil namun ia sebenarnya boleh meruntuhkan reputasi Islam itu sendiri yang sememangnya bersifat profesional untuk kejayaan dunia dan akhirat.

Sebagai kakitangan institusi perbankan Islam, kefahaman sebenar mengenai realiti tanggungjawab adalah penting untuk dihayati dan wajib diserahkan dalam tugas dan dijayakan dengan sebaik-baiknya, jika tidak ia boleh mendatangkan fitnah kepada institusi perbankan Islam bahkan kepada Islam itu sendiri. Sesungguhnya Allah SWT sukakan seseorang yang melakukan tindakan ia melakukannya dengan tekun atau sepenuh hati. "segala prosedur yang terlibat untuk menghasilkan suatu tindakan yang bersifat profesional, mestilah difahami dan diaplikasikan oleh pihak-pihak berkepentingan dengan secara baik, teratur dan berkesan untuk menterjemahkan suatu makna profesional dalam erti kata yang sebenarnya sesuai dengan Islam sebagai agama yang mudah , ,

Sebagai kakitangan yang diamanahkan untuk mendokong institusi perbankan syariah yang sewajarnya ditadbir urus secara profesional, keuntungan sebenar ialah apabila mencapai keredaan Allah SWT di samping keuntungan dunia. Keuntungan dunia adalah suatu wasilah untuk membangunkan keuntungan sebenar di akhirat. Pihak masyarakat juga wajar diwar-warkan tentang tanggungjawab untuk mendokong secara serius bersama institusi perbankan Islam atau Syariah di samping mempromosikan produk-produk perbankan yang ada.

SOAL JAWAB

MUAMALAT

Soalan ?

Jawapan..

Para sarjana Islam mempunyai sudut pandangan masing-masing apabila menjawab persoalan apakah hukum bekerja dalam institusi yang berinteraksi dengan amalan riba, contohnya bekerja di bank-bank konvensional, operator-operator insurans konvensional dan seumpamanya. Oleh yang demikian, bagaimanakah hukum bagi seseorang yang bekerja dalam institusi yang berinteraksi dengan riba?

Seorang pakar Syariah semasa, Dr. Monzer Kahf, apabila ditanya apakah menjadi haram jika bekerja dengan bank konvensional, beliau mengemukakan pandangan seperti berikut:

"Umum mengetahui bahawa faedah bank (interest) merupakan sejenis riba yang dilarang oleh Syariah. Syariah juga mengharamkan seseorang itu memberinya, menerima atau mengambilnya, menulis kontraknya, dan menjadi saksi atasnya. Maka, sebarang kerja yang memerlukan seorang Muslim untuk membuat kontrak riba, atau menjadi perantara untuk melakukannya seperti berunding dengan pelanggan, mendorong kontrak ditandatangani atau menandatangani bagi pihak bank dan kerja-kerja lain yang berkaitan secara langsung dengan membuat kontrak berdasarkan riba yang berkaitan dengan simpanan atau pembiayaan dalam bank yang berdasarkan riba adalah diharamkan."

Pandangan hukum yang dikemukakan oleh Dr. Monzer Kahf sebelum ini walau bagaimanapun diberikan pengecualian kepada mereka yang bekerja di bank dalam bahagian/cawangan yang tidak berinteraksi terus dengan riba. Petikan ijtihad beliau adalah seperti berikut:

"Terdapat banyak kerja dalam bank yang tidak berkaitan secara langsung dengan riba seperti pengawal keselamatan, juruwang, kewangan, penyelidik, pengendali bangunan, pengendali mesin dan sebagainya."

Dr. Monzer Kahf telah menyandarkan pendirian beliau ini dengan pendapat Syeikh Muhammad al-Siddiq al-Darir dari Sudan dan Syeikh Muhammad al-Mukhtar al-Sallani dari Tunisia yang berpendapat bahawa pekerjaan seperti itu adalah tidak termasuk dalam larangan itu. Bagaimanapun, mereka berpendapat yang kerja yang menyokong operasi berasaskan riba adalah haram.

Malaysia merupakan negara pertama yang memperkenalkan sistem perbankan Islam di Asia Tenggara. Selaras dengan perkembangannya yang pesat dan memberangsangkan pelbagai perancangan dan usaha telah dilaksanakan. Merujuk kepada senario perlaksanaan sistem perbankan di dunia, dapat disimpulkan bahawa terdapat empat pendekatan yang diamalkan. Pertama, negara yang mengamalkan sistem perbankan Islam sahaja dan memansuhkan sistem perbankan konvensional seperti Iran, Pakistan dan Sudan. Kedua, negara yang mempraktikkan sistem perbankan konvensional sahaja, ketiga, negara yang melaksanakan sistem konvensional dan membenarkan penawaran produk berteraskan prinsip Islam melalui kaunter perbankan Islam (Islamic Window) dan keempat, negara yang melaksanakan sistem perbankan Islam dan di dalam masa yang sama membenarkan operasi sistem perbankan konvensional seperti sistem dwi perbankan yang diamalkan oleh Malaysia.

Pendekatan ini telah melahirkan persaingan yang sihat di mana masyarakat dapat melihat kelebihan dan keindahan sistem perbankan Islam secara terus. Sebagai contoh industri perbankan Islam di Malaysia berkembang pada kadar 10 hingga 15 peratus setahun manakala sebaliknya, sektor perbankan konvensional yang diwakili oleh bank-bank yang sama saiznya menyaksikan deposit purata tahunan mengembang lima peratus, ekuiti enam peratus, pelaburan empat peratus dan aset enam peratus. Malahan semasa kegawatan ekonomi yang melanda Asia pada tahun 1997 dan 1998, sektor perbankan Islam di Malaysia terus berkembang sedangkan bank-bank konvensional mencatatkan pertumbuhan negatif.

KEBERKESANAN SISTEM DWI PERBANKAN DI



Oleh: Ainul Izzah Ahmad Marzuki
Pelajar Praktikal, UiTM Cawangan Dungun.

“

Malaysia umpamanya telah menjadi rujukan banyak negara berdasarkan kepesatan perkembangan sektor perbankan Islamnya. Pendekatan perlaksanaan sistem perbankan Islam secara berperingkat dan sederhana merupakan kaedah yang paling sesuai dan berhikmah ketika ini dalam proses pengukuhan ekonomi secara seimbang dan komprehensif. ”

Keberkesanan pendekatan perlaksanaan sistem dwi perbankan ini dapat dilihat melalui perkembangan industri perbankan Islam yang begitu pesat terhadap negara yang mengamalkan sistem ini. Malaysia umpamanya telah menjadi rujukan banyak negara berdasarkan kepesatan perkembangan sektor perbankan Islamnya. Pendekatan perlaksanaan sistem perbankan Islam secara berperingkat dan sederhana merupakan kaedah yang paling sesuai dan berhikmah ketika ini dalam proses pengukuhan ekonomi secara seimbang dan komprehensif. Sesuai dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

“Serulah (manusia) kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik.”

(An-Nahl: 125)

“Malaysia umpamanya telah menjadi rujukan banyak negara berdasarkan kepesatan perkembangan sektor perbankan Islamnya. Pendekatan perlaksanaan sistem perbankan Islam secara berperingkat dan sederhana merupakan kaedah yang paling sesuai dan berhikmah ketika ini dalam proses pengukuhan ekonomi secara seimbang dan komprehensif.”

Merujuk kepada ruang lingkup undang-undang, tanggungjawab institusi perbankan Islam tidak boleh lari daripada undang-undang sivil mahupun hukum syarak. Harmonisasi undang-undang Syariah dan sivil berkaitan perbankan yang tidak bertentangan dengan undang-undang Syariah di dalam operasi perbankan. Malaysia meletakkan urusan perbankan Islam di bawah bidang kuasa persekutuan walaupun prinsip muamalat termasuk di bawah undang-undang Syariah dan ianya terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Perkembangan sistem perbankan Islam yang boleh dianggap masih baru ini perlu mendapat sokongan dan bantuan daripada kerajaan pusat. Kerajaan negeri tidak mempunyai sumber yang mencukupi dan memiliki bidang kuasa yang amat terhad iaitu hanya dari

segi hal ehwal agama, adat dan tanah. Dengan sumber ekonomi yang kukuh dan bidang kuasa yang lebih luas dimiliki oleh kerajaan pusat dapat memastikan perkembangan industri secara lebih berkesan.

Industri perbankan Islam tidak akan berkembang sekiranya ianya hanya bergantung kepada sektor pembiayaan ekuiti atau pembiayaan hutang semata-mata. Sokongan daripada sektor lain seperti pasaran modal amat di perlukan bagi menjana pertumbuhan ekonomi. Di dalam sektor permodalan Islam, Malaysia mempunyai 89 Dana Unit Amanah Islam. 85 peratus kaunter di Bursa Malaysia adalah kaunter yang telah diluluskan oleh penasihat Syariah dan 46 peratus pasaran bon korporat adalah bon berlandaskan prinsip Islam seperti *“Murabahah underwritten Notes Issuance Facility”*, *“Bai” Bithaman Ajil Islamic Debt Securities”* dan Sukuk Ijarah. Malaysia juga merupakan Negara pertama di dunia memperkenalkan bon asing berteraskan prinsip Islam.

Selain daripada itu, pendekatan berhati-hati Malaysia menerima kemasukan bank-bank asing juga merupakan faktor sampingan untuk memastikan perkembangan industri perbankan Islam diterajui oleh institusi perbankan tempatan. Ianya bertujuan membantu mengekalkan persaingan yang adil dan seimbang di antara bank tempatan dan asing.

Dari sudut pembangunan modal insan di dalam sektor perbankan Islam pula, Malaysia telah merintis jalan dengan langkah menubuhkan Pusat Pendidikan Perbankan Islam Antarabangsa atau *‘International Center for Education in Islamic Finance’* (INCEIF) dengan berbekalkan peruntukan sebanyak RM 500 juta. Tujuan penubuhan INCEIF adalah untuk melahirkan pengamal perbankan Islam yang profesional, berkaliber dan juga mahir di dalam setiap disiplin perbankan Islam.

Kesimpulannya, pendekatan yang dilaksanakan secara bersepadan membolehkan perlaksanaan sistem perbankan Islam berjalan dengan lancar dan berkembang pesat bukan sahaja di arena tempatan malahan antarabangsa juga. Perbankan Islam berdasarkan profesionalisme adalah suatu amalan yang perlu dilaksanakan bagi memastikan setiap gerak kerja yang dilakukan sentiasa berlandaskan Syariah Islam dan direhdai Allah.

KERJAYA

TOKOH KEWANGAN ISLAM



Dilahirkan pada 28 Januari 1939 di Kedah Darul Aman. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Simpang Empat dan kemudian menyambung pelajarannya di Al-Maahad Al-Mahmud (Maktab Mahmud). Selepas itu, beliau meneruskan pengajiannya ke tingkatan enam pada tahun 1960 hingga 1961 di Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Star (SAHC) bagi. Pada tahun 1965, Dato' Dr. Abdul Halim meneruskan pengajiannya di Universiti Malaya dan memperolehi Ijazah Sarjana Muda di dalam bidang ekonomi. Seterusnya pada tahun 1966, beliau berangkat ke England untuk mengikuti pengajian di University of Oxford, England di dalam bidang Ekonomi sehingga memperolehi ijazah Doktor Falsafah.

DATO' DR. ABDUL HALIM BIN ISMAIL

Penglibatan Pertubuhan Sosial dan Profesional :

Ahli Majlis Penasihat Syariah
Suruhanjaya Sekuriti (1994-Mei
1995)

Ahli Majlis Penasihat Syariah
Bank Negara (1997-2010)

Pengerusi Majlis Senat
Universiti Utara Malaysia

Ahli Lembaga
Pengarah Golden
Hope Plantation
Berhad

Pengarah BIMB
Holdings Sdn.
Bhd. yang pertama

Pengarah Institut
Ketahanan Islam
Malaysia (IKIM)

Pengarah BIMB Unit
Trust Management
Sdn. Bhd.

Pengerusi
Eksekutif BIMB
Securities Sdn.
Bhd.

Pengarah Urusan Bank
Islam (1983-1994)

Ketua Ahli Ekonomi
Bank Bumiputra
Malaysia Berhad
(1977-1982)

Dekan Fakulti
Ekonomi Universiti
Kebangsaan Malaysia

Pensyarah Fakulti Ekonomi
Universiti Kebangsaan
Malaysia (1970)

Beliau telah dianugerahkan ‘Tokoh Kewangan Islam’ kerana pencapaian yang cemerlang di dalam bidang kewangan dan sumbangan besar dalam memperkembangkan perbankan dan kewangan Islam di Malaysia dalam bidang-bidang pengurusan, perancangan, perundungan, penyelidikan dan pembangunan. Bagi menghargai sumbangan dan jasanya, beliau telah dianugerahkan darjah kebesaran Dato’ Setia DiRaja Kedah (D.S.D.K.) dari KDYMM Sultan Kedah yang membawa gelaran Dato’.

Laman Wahyu

ALLAH MENGASIHI ORANG YANG RAJIN BERUSAHA

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Sungguh, jika seseorang mencari seikat kayu dan memikul sendiri di atas punggungnya lebih baik daripada meminta-minta kepada orang lain, diberi atau ditolak.” (Muttafaq ‘alaih)

PENGAJARAN HADITH:

Orang yang rajin hakikatnya mendapat manfaat daripada kerajinannya. Dia akan terbiasa dan tidak selesa melihat sesuatu tidak disempurnakan. Derianya sentiasa peka jika ada sesuatu yang tidak senang di mata.

Tetapi ini tidak bermaksud dia menyelesaikannya dengan tangan orang lain (mengarah kepada orang lain), malah segala kerja yang mahu disempurnakan adalah dengan keupayaannya sendiri. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: *“Sesungguhnya Nabi Daud AS makan daripada hasil karya tangannya.”*

(Riwayat al-Bukhari)

Tiada orang yang tidak suka berkawan dengan orang yang rajin. Orang yang rajin umpama sekuntum bunga yang wangi, maka dia akan memberi wangian yakni manfaat kepada orang lain. Katakanlah jika antara orang bekerja terdapat seorang yang bersifat pemalas, cukuplah ia memberi banyak kepayahan kepada seisi pejabat.

Umat Islam sepatutnya adalah umat yang paling rajin dan akan bekerja keras, jika mereka benar-benar beriman kepada Allah SWT dan mengikuti segala perintah-Nya. Mereka akan menjadi umat yang lebih banyak bertindak daripada banyak bercakap.

Jika sifat rajin sebegini menjadi pakaiian umat Islam kini, tiada siapa berani menafikan hakikat umat Islam adalah umat yang terunggul. Sifat malas atau membuang masa dengan melakukan hal-hal yang tidak berfaedah adalah bukti lemah dan kurangnya iman.

Oleh sebab itu, tarbiyah dan sokongan daripada ibu bapa, majikan serta rakan-rakan malah diri sendiri amat diperlukan supaya iman serta sikap rajin dapat dipupuk dalam setiap perkara yang dilakukan. Sifat rajin pasti akan membawa kejayaan dalam hidup sama ada di dunia atau di akhirat kelak. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *“Sesungguhnya Allah Ta’ala mengasihi hamba-Nya yang Mukmin yang berusaha.”* (Riwayat al-Tabrani). Wallahu’alam.



HUKUM PENGENAAN CAJ GHARAMAH TERHADAP PELANGGAN

Isu

Isu berkenaan hukum mengenakan caj *gharamah/denda* lewat bayar terhadap pelanggan.

Latar Belakang Isu

Dalam sistem kewangan konvensional, kemungkinan pembayaran hutang pinjaman ditangani dengan mengenakan faedah (riba) terhadap pelanggan. Namun, pelaksanaan ini jelas sekali bertentangan dengan prinsip Syariah di mana pihak Bank tidak mengadaptasi cara tersebut untuk menangani kes-kes kemungkinan pelanggan dalam melunaskan obligasi kewangan yang berhasil daripada kontrak yang dimeterai secara Islam. Dengan itu, bagi mengelakkan kemudaratkan kepada Bank, *ta'widh* dan *gharamah* boleh dikenakan kepada pelanggan yang mungkir dalam pembayaran hutang mereka.

Namun dalam hal ini, adakah layak *gharamah* dikenakan kepada pelanggan sedangkan caj tersebut tidak dijadikan sebagai pendapatan Bank dan sedikit membebankan pelanggan?

Konsep Syariah Yang Digunakan

Definisi *Gharamah*

Gharamah ialah penalti atau denda yang dikenakan kerana kelewatian melunaskan hutang, tanpa perlu pembuktian kewujudan kerugian sebenar.

Akademi Bahasa Arab di Kaherah mentakrifkan *gharamah* sebagai: Suatu denda berbentuk wang yang mana bagi mendisiplinkan individu dan juga sebagai pampasan.

Gharamah juga bermaksud sesuatu yang diambil

daripada seseorang individu sebagai denda kepada dia disebabkan melakukan sesuatu yang haram dan ianya bukan denda yang ditetapkan Syarak, atau ianya sesuatu yang bertentangan dengan undang-undang yang dibuat dalam sesebuah kerajaan, atau yang bertentangan dengan sistem umum dan 'urf utama masyarakat setempat, dan denda tersebut boleh jadi dalam bentuk duit atau barang.

Pandangan dan Perbahasan Para Ulama'

Kelewatan penerima biaya membayar pembiayaan boleh dikiaskan kepada *ghasb* (merampas) sesuatu barang yang bernilai. Ini kerana wujudnya persamaan 'illah antara keduanya iaitu menghalang penggunaan harta dan manfaatnya serta memanipulasikannya secara zalim. Menurut pandangan Imam Syafi'i dan Hanbali dalam kes *ghasb*, manfaat harta yang dirampas adalah dalam jaminan dan perlu dibayar ganti rugi.

Malah bagi kes kelewatan membayar semula amaun pembiayaan, pembiaya juga menanggung kerugian kehilangan peluang menggunakan dana bagi tujuan perniagaan lain, yang sepatutnya dijelaskan mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Oleh yang demikian, penerima biaya perlu membayar ganti rugi kepada pembiaya atas kerugian yang dialami oleh pembiaya.

Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia pada mesyuarat bertarikh 14 Februari 1998, mesyuarat ke-95 bertarikh 28 Januari 2012 dan mesyuarat ke-101 bertarikh 20 Mei 2010 telah memutuskan bahawa pengenaan caj pembayaran lewat oleh institusi kewangan Islam yang merangkumi kedua-dua konsep *gharamah*

(denda atau penalti) dan *ta'widh* (ganti rugi) adalah dibenarkan, tertakluk kepada perkara berikut:

- i. *Ta'widh* boleh dikenakan ke atas kelewatan pembayaran obligasi kewangan yang berhasil daripada akad-akad pertukaran (seperti jual beli sewaan) dan *qard*;
- ii. *Ta'widh* hanya boleh dikenakan selepas tamat tempoh pelunasan hutang yang dipersekutui oleh kedua-dua pihak yang berkontrak;
- iii. Institusi perbankan Islam boleh mengiktiraf *ta'widh* sebagai pendapatan atas dasar ia dikenakan sebagai ganti rugi atas kerugian sebenar yang dialami oleh institusi perbankan Islam; dan
- iv. *Gharamah* tidak boleh diambil kira sebagai pendapatan, sebaliknya perlu disalurkan kepada badan-badan kebajikan.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-99 yang bersidang pada 4-6 Mei 2012 telah membincangkan mengenai Hukum Penyaluran Hasil *Gharamah* Institusi Kewangan Islam Ke Baitulmal. Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

Setelah mendengar taklimat dan penjelasan serta meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah menegaskan bahawa keharusan mengenakan *gharamah* ke atas penerima biaya yang mungkir adalah berdasarkan hadis Rasulullah SAW yang menyifatkan kelewatan pembayaran hutang oleh orang yang berkemampuan sebagai satu kezaliman dan boleh memudaratkan institusi kewangan Islam. Muzakarah juga berpandangan bahawa *gharamah* yang dihasilkan dalam institusi kewangan Islam perlu disalurkan kepada institusi yang berkait secara khusus dengan umat Islam supaya ianya tidak disalahgunakan.

Sehubungan itu, selaras dengan kedudukan dan fungsi Baitulmal sebagai institusi tertinggi dalam menguruskan wang dan harta umat Islam, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa hasil *gharamah* Institusi Kewangan Islam hendaklah disalurkan ke Baitulmal bagi memastikan penggunaan harta tersebut menepati maslahah ammah umat Islam. Antara dalil yang membawa keharusan mengenakan *gharamah* kepada pelanggan dapat dikiaskan seperti hadis Rasulullah SAW yang menyifatkan kelewatan pembayaran hutang oleh orang yang berkemampuan sebagai satu kezaliman,

Daripada Abi Hurairah bahawa Rasulullah SAW telah bersabda: "Kemungkinan orang yang kaya (dalam membayar hutang) adalah satu kezaliman."

(Hadis Riwayat al-Bukhari)

SYUMUCNYA ISCAM



Banyak kajian serta cubaan telah dilakukan untuk mengelirukan kebenaran kitab suci akan tetapi temui kegagalan

JIKA kita ingin mengetahui dan rasai kehebatan satu-satu mukjizat seperti yang pernah berlaku ke atas umat sebelum kita, kemudian kita mengisyiharkan keimanan serta-merta dan memeliharanya, sila perhatikan al-Quran al-Karim.

Al-Quran ialah mukjizat kekal sebagai bukti kebenaran bahawa Muhammad adalah Rasulullah SAW. Pengekalan mukjizat al-Quran akan tetap dirasai oleh seluruh manusia hingga ke akhir zaman. Ini berbeza dengan mukjizat seketika yang hanya dirasai oleh umat sebelum kita, bahkan mukjizat yang dirasai oleh sahabat nabi, selain al-Quran.

Sebagai contoh, Nabi Nuh AS dengan mukjizat taufan dan air bah yang hanya berlaku untuk dirasai umatnya saja. Nabi Saleh AS dengan mukjizat unta hanya berlaku untuk dirasai umatnya saja. Nabi Musa AS dengan mukjizat membelah air laut dan hanya berlaku untuk dirasai umatnya saja. Nabi Isa AS dengan mukjizat boleh menghidupkan yang mati atas izin Allah dan hanya berlaku untuk dirasai umatnya saja.

Tetapi Nabi Muhammad SAW dengan mukjizat al-Quran berlaku untuk dan dirasai seluruh umat manusia ketika dan sesudah Baginda tidak kira masa dan tempat sampai hari kiamat dan ia akan kekal dipelihara seperti ditetapkan al-Quran yang bermaksud:

"Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Quran, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya"

(Al-Hijr: 9)

Dengan jaminan Allah SWT ini, terpeliharalah kitab suci al-Quran daripada sebarang perubahan, dan bersinarlah cahayanya ke seluruh dunia.

Al-Quran itu sendiri boleh menjadi sebab kepada seseorang

untuk memeluk agama Islam sama ada menerusi isi, bahasa, bacaan, lagu, suara, hiasan, nilai ekonomi bahkan tulisan atau kaligrafinya. Begitu pula ia menakutkan dan menggerunkan musuhnya menerusi isi, bahasa, bacaan, lagu, suara, hiasan, nilai ekonomi bahkan tulisan atau kaligrafinya. Ramai orang memeluk al-Quran dengan karakter al-Quran dan tidak sedikit pula yang memusuhi bahkan menyeru untuk berperang melawannya seperti disebutkan al-Quran sendiri dengan ayatnya yang bermaksud:

"Dan orang yang kafir berkata: "Janganlah kamu mendengar al-Quran ini dan tentanglah ia (dengan nyanyian dan jeritan riuh rendah serta tepuk sorak), supaya kamu berjaya (mengganggu bacaan atau menenggelamkan suara pembacanya)"

(Fussilat: 26)

Antara orang yang pernah menentang al-Quran ialah seorang profesor Matematik dan logik dari Universiti Toronto, Kanada bernama Gary Miller. Pada 1977, beliau membuat keputusan untuk mengkaji al-Quran dengan tujuan mencari kesilapan dan kesalahan ilmiah dan sejarah yang ada di dalamnya.

Dia berharap dengan kajian itu boleh membantu rakannya, pendakwah Kristian untuk mengelirukan umat Islam dan mengajak mereka keluar daripada agama Islam dan memeluk Kristian. Pihak gereja dan yang berkepentingan menyokong tujuan 'mulia' ini dan memberikan apa juar keperluan kewangan dan moral bagi menjayakannya.

Apa yang diinginkan manusia lain dengan apa yang diinginkan oleh Allah SWT dan yang pasti akan berlaku ialah apa yang diinginkan Allah SWT, maka takdir yang baik menyebelahi Prof Miller dan kemudian membawanya untuk memeluk Islam setahun kemudian iaitu pada 1978 selepas menamatkan kajiannya.

Kajiannya ini kemudian dibukukan dan diterjemahkan ke dalam bahasa Arab dengan tajuk *al-Quran al-Muzhil* (*al-Quran Yang Mempesona*) atau tajuk asalnya *The Amazing al-Quran*. Beliau menukar namanya menjadi Abdul Ahad Omar kemudian bekerja

sebagai pensyarah di University of Petroleum and Minerals, Dhahran, Saudi Arabia. Hingga ke hari ini masih menjadi pendakwah antarabangsa dan banyak menulis mengenai Islam.

Perkara pertama yang menarik perhatian Prof Miller ialah cabaran al-Quran yang mendakwa bahawa di dalamnya tidak ada kesalahan atau kesilapan apa pun juga. Beliau berkata: “*Tidak ada seorang penulis pun di dunia ini yang memiliki keberanian kemudian dia menulis buku dan mendakwa bahawa bukunya itu tidak ada sebarang kesalahan mahupun kesilapan kecuali al-Quran, bahkan ia mencabar seandainya anda mencari-cari kesalahan itu anda pasti tidak akan menemukannya.*”

Beliau juga mengungkapkan kepesonaannya terhadap al-Quran dengan mengambil contoh bahawa dalam al-Quran ada satu surah yang diberi nama Surah Mariam yang mana di dalamnya ada diberitakan mengenai kemuliaan beliau yang tidak dijumpai di mana-mana kitab suci lainnya. Kita tidak menemukan surah yang diberikan nama orang kesayangan Nabi SAW seperti Aisyah dan Fatimah. Malah nama Baginda pun tidak banyak disebut didalam al-Quran iaitu hanya 5 kali jika dibandingkan dengan nama Nabi Isa AS yang disebut sebanyak 25 kali.

Baginda pun tidak banyak disebut al-Quran iaitu hanya lima kali jika dibandingkan dengan nama Nabi Isa AS yang disebut sebanyak 25 kali.

Penentang kebenaran al-Quran mendakwa bahawa syaitanlah yang mengajarkan al-Quran kepada Nabi Muhammad SAW tetapi bagaimana di dalam al-Quran ada ayat yang maksudnya:

“*Oleh itu, apabila engkau membaca al-Quran, maka hendaklah engkau (terlebih dulu) memohon perlindungan kepada Allah daripada hasutan syaitan yang kena rejam.*”

(Al-Nahl: 98)

Prof Miller berkata: “*Seandainya aku berada dalam keadaan Rasulullah SAW bersama Abu Bakar di gua di mana seandainya seorang daripada pengepungnya melihat ke bawah pasti mereka akan ternampak, maka jawapan ketakutan Abu Bakar akan dijawab secara semula jadi dengan ucapan ‘mari kita cari jalan belakang’ atau ‘diam, jangan berkata-kata’. Akan tetapi Rasulullah SAW menjawab dengan tenang: “Janganlah engkau risau sesungguhnya Allah bersama kita.”* Adakah jawapan ini boleh dikeluarkan oleh seorang penipu atau jawapan seorang nabi yang percaya seratus peratus kepada pertolongan Allah SWT?

Surah al-Masad (Tali Yang Dipintal) iaitu surah yang ke 111 dalam al-Quran diturunkan 10 tahun sebelum matinya Abu Lahab. Ini bermakna bahawa di hadapan Abu Lahab ada sebanyak $365 \times 10 = 3,650$ peluang untuk membuktikan bahawa al-Quran adalah satu khayalan dan pembohongan. Selama itulah ada cabaran tetapi Abu Lahab tetap dalam kekufuran dan kekafirannya dan tidak tergerak hatinya untuk memeluk Islam walaupun secara pura-pura. Surah ini sampai hari ini masih dibaca, bagaimana Rasulullah SAW yakin atas kebenaran yang dibawanya selama 10 tahun dan Abu Lahab sememangnya tidak akan memeluk

Islam. Keyakinan ini membuktikan bahawa al-Quran memang wahyu Allah SWT yang mengetahui segala sesuatu dan ia diturunkan kepada nabi terakhir yang diutus untuk umat manusia, Muhammad SAW.

Prof Abdul Ahad juga merujuk kepada New Catholic Encyclopaedia dalam topik ‘al-Quran’ dikatakan bahawa walaupun banyak kajian dan percubaan untuk mengelirukan kebenaran al-Quran tetapi pada akhirnya: “*Selama berabad-abad muncul banyak teori mengenai sumber al-Quran tetapi tidak satupun daripada teori itu boleh diguna pakai oleh seorang yang berakal.*”

Beliau menambah ada gereja yang pada mulanya teruja untuk mengadaptasi teori berkenaan tetapi pada akhirnya mereka semua menolaknya dan malangnya mereka tidak berani untuk mengakui kebenaran teori umat Islam. Apa pendapat anda? Adakah anda masih meragui kebenaran al-Quran yang mempesonakan? Terima kasih Profesor Abdul Ahad.

Oleh: Abdurrahman Haqqi

Jumlah Ayat Al-Quran = [6,236] ayat.

Tiap-tiap surah, melainkan surah 9 (At-Taubah), bermula dengan “Bismillah”. Akan tetapi hanya Bismillah yang pertama di dalam al-Quran, iaitu di surah 1 (Al-Fatiyah), dikira sebagai satu ayat. Ini bermaksud ia diberi nombor, iaitu nombor 1. Bismillah di surah lain yang berjumlah 112 kesemuanya tidak dikira atau diberi nombor.

Andaikata bilangan 112 itu ditambah kepada jumlah besar 6,236 tadi, maka ia menjadi 6,348, yang bukan juga sebanyak 6,666 yang keramat itu.

Perbezaan bilangan ayat di antara dua jumlah tersebut (6,236 dan 6,348) dengan 6,666 adalah 430 dan 318 masing-masing. Perbezaannya besar. Di manakah pula tersimpannya ayat-ayat yang berlebihan itu?

Mungkin terdapat orang yang mempercayai ada unsur mistik pada nombor 6666 itu. Sekiranya begitu, maka mistik nombor 6666 itu adalah tiada fakta yang jelas, kerana tiada ayat Allah SWT daripada al-Quran yang tersembunyi.

Contoh bagaimana berleluasan penggunaan fakta 6666 ialah;

- i. Pengeluar capal nabi menarik perhatian pembeli muslim di Malaysia dengan mengatakan bahawa pengeluaran capal nabi itu terhad hanya kepada jumlah 6666 buah bersempena dengan jumlah ayat-ayat al-Quran.
- ii. Pengeluar air musaffa (air rawatan pinggan putih dan za’faran) dalam segmen tajaan syarikatnya di sebuah radio telah mengatakan bahawa ayat-ayat al-Quran yang berjumlah 6666 sebenarnya mewakili sebanyak 6666 sendi-sendi di badan manusia.

Contoh di atas sudah cukup untuk menunjukkan bagaimana fakta salah ini telah disalahgunakan secara meluas untuk kepentingan peribadi sesetengah pihak. Oleh itu, menjadi tanggungjawab kita semua untuk memperbetulkan kesilapan ini. Ingat betul-betul jumlahnya ialah **6236** bukan 6666.


Laman Tafaqquh

KEUTAMAAN BERSEDEKAH

Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Maka bertaqwalah kamu kepada Allah SWT menurut kesanggupanmu dan dengarlah serta taatlah dan nafkahkanlah nafkah yang baik untuk dirimu. Dan barangsiapa yang dipelihara dari kekikiran dirinya, maka mereka itulah orang-orang yang beruntung.”

(Al-Taghabun: 16)



GLOSARI SYARIAH

BIL	TERMA	PENGERTIAN
1.	`Illah	Sebab hukum
2.	Bai' Bithaman Ajil	Akad jual beli berdasarkan pembayaran tertangguh pada harga tertentu
3.	Ghasb	Rampasan atau pengambilan harta secara tidak sah
4.	Gharamah	Denda/Penalty
5.	Murabahah	Akad jual beli dengan pendedahan harga kos aset dan margin keuntungan kepada pembeli
6.	Musyarakah	Akad perkongsian untung rugi
7.	Sukuk Ijarah	Sekuriti Islam berdasarkan akad ijarah
8.	Ta'widh	Ganti rugi



SENAGAT CIK LEBAH



Ana malaslah nak bekerja, hari-hari kena ikut peraturan, undang-undang Syariah pulak tu, banyak masalah...

Ishh...
ishh tak boleh macam tu, kerja itukan satu ibadah kepada Allah SWT, jadi kita perlu berkelakuan profesional, kita perlu rajin dan tingkatkan mutu kerja sehari-hari.... bukan asyik mengeluh, curi masa dan mempunyai sifat malas... barulah kita semua akan maju dan mendapat redha daripada Allah SWT..

Di sebuah institusi perbankan Islam

* Ana = Saya



Inginkan

sehingga
5.6%*
 setahun



daripada akaun simpanan anda?

* kadar indikatif

Nikmati pulangan yang luar biasa dengan menyertai

Kempen Muamalat Mutual-i

untuk masa yang terhad sahaja

Tempoh kempen:

10 Februari - 30 April 2014

*Tertakluk pada terma dan syarat.

Hubungi kami:

www.muamalat.com.my
1-300-88-8787



Bank Muamalat Malaysia Berhad
Jabatan Syariah
Menara Bumiputra, Jalan Melaka,
50100 Kuala Lumpur
Tel: 03-2698 8787

www.muamalat.com.my